

09 SEP 2002

Sungai-Jaket/I

SRB HADAPI TUGAS BERAT KUATKUASA PENGGUNAAN JAKET KESELAMATAN

KUCHING, 9 Sept (Bernama) -- Lembaga Sungai Sarawak (SRB) menghadapi tugas sukar bagi menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan di kalangan pengusaha bot dan feri ke atas penumpang mereka, kata pengerusinya Richard Riot.

Beliau berkata namun lembaga itu akan menggandakan pemeriksaan bagi menimbulkan kesedaran di kalangan pengusaha perkhidmatan sungai.

"Kita telah menghantar cadangan kepada kerajaan negeri bagi mendapatkan lebih tenaga pekerja untuk meningkatkan peraturan keselamatan ke atas pengguna sungai," katanya kepada Bernama.

Riot berkata sebanyak 200 pegawai penguatkuasa di negeri itu kini tidak menang tangan terutama pada musim perayaan.

"Apabila tiba hari cuti Gawai Dayak, Tahun Baru Cina dan Krismas, anggota saya terpaksa bekerja lebih kuat bagi memastikan pengusaha bot dan feri mematuhi undang-undang," katanya.

Beliau berkata sektor paling sukar untuk periksa ialah ke atas pengusaha di wilayah utara seperti Sibu, Belaga, Bintulu dan Miri.

Riot berkata kajian SRB terhadap pengusaha bot dan feri mendapati mereka mengaut keuntungan tetapi enggan memperuntukkan wang untuk membeli jaket keselamatan.

"Kami memandang serius nasihat yang berkali-kali disuarakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Datuk Wong Soon Koh tentang perlunya jaket keselamatan disediakan oleh pengusaha bot dan feri," kata beliau.

Lembaga itu akan tetap menggandakan penguatkuasaan bagi menambah tahap piawaian aspek keselamatan, kata beliau.

Riot memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap pengusaha yang gagal berbuat demikian.

-- BERNAMA

FLL HM